

Dr Mahathir, Anwar perlu diberi peluang berbincang

BH - 2/11/2019 m/s 6

[FOTO ZULKEPLI OSMAN/BH]

➔ Mesyuarat Majlis Presiden PH belum putuskan tempoh peralihan kuasa

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

✦ Kuantan

Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) belum memutuskan tempoh peralihan kuasa antara Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Sekretariat PH, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata sebaliknya kedua-dua tokoh itu yang disifatkan berjiwa besar seharusnya diberi peluang menentukan perkara itu sesama mereka, termasuk masa sesuai untuk melakukan peralihan kuasa.

Katanya, setakat ini, semua kepimpinan parti komponen dalam PH tidak pernah berbincang dan menetapkan tempoh tertentu bagi peralihan jawatan berkenaan.

“Perkara ini (peralihan kuasa) tidak pernah dibincangkan pada mesyuarat (Majlis Presiden PH) dan tidak ada tempoh



Saifuddin beramah mesra dengan sebahagian pelajar dan guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Astana, dekat Kuantan, semalam.

ditetapkan untuk Tun (Dr Mahathir) menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Anwar.

Tokoh berjiwa besar

“Ramai orang yang kata, ia (peralihan kuasa) akan dilakukan dalam tempoh dua atau tiga tahun, sebenarnya perkara ini (tempoh peralihan kuasa) belum diputuskan, PH cuma ada buat keputusan dan perjanjian bahawa Perdana Menteri seterusnya ialah Datuk Seri Anwar.

“Mereka berdua individu berjiwa besar dan saya percaya perkara ini, biar mereka sahaja yang putuskan tempoh terbaik bagi melakukan peralihan (kuasa) itu,” katanya.

Beliau yang juga ahli Parli-

men Indera Mahkota berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pemusatan Tingkatan 6 Mod 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Astana, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Dr Tajuddin Mohd Yunus.

Dakwaan tak wajar

Saifuddin mengulas kenyataan beberapa pihak sebelum ini yang mendakwa ada cubaan untuk menggagalkan persetujuan dibuat antara pucuk kepimpinan parti komponen dalam PH bagi melantik Anwar sebagai Perdana Menteri kelapan.

Beliau berkata, perkara itu

tidak sepatutnya timbul memandangkan ia sudah dipersetujui semua pihak sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

“Kalau boleh, 2019 ini, kerajaan PH menumpukan kepada usaha meningkatkan ekonomi dan kerja lain, seperti membangunkan negara dan yang lebih penting ialah menjaga kepentingan serta kebajikan rakyat.

“Tidak perlu kita terus terlalu berfikir untuk menyalahkan kerajaan Barisan Nasional (BN), sebaliknya kita kena kekal fokus dalam melaksanakan apa yang rakyat mahu lihat, perubahan yang kita ingin lakukan sebagai sebuah kerajaan Malaysia Baharu,” katanya.